

Banjir semakin parah

Rumah Ketua Kampung Parit Mahang, Baharom Hussien turut dinaiki air sejak tiga hari lalu.

Seramai 1,011 orang melibatkan 271 keluarga dipindahkan serta-merta

■ ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR – Air sungai yang melimpah secara mendadak di Parit Mahang, di sini sehingga paras 3.78 meter, lewat malam kelmarin menyebabkan 257 keluarga terpaksa dipindahkan ke pusat penempatan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang.

Pengerusi Bencana Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor berkata, seramai 960 mangsa banjir melibatkan 257 keluarga setakat jam 4 petang semalam dipindahkan serta-merta.

Menurutnya, seramai 11 keluarga melibatkan 40 mangsa banjir di Simpang Tiga Jeram masih ditempatkan di Masjid Simpang Tiga Jeram manakala tiga keluarga dengan 11 orang masih ditempatkan di Dewan JKKK Bukit Hijau.

“Peningkatan jumlah mangsa banjir di Parit Mahang menjadikan jumlah keseluruhan seramai 1,011 orang melibatkan 271 keluarga di tiga kampung di daerah ini sejak 17 November lalu.

“Kampung yang terlibat adalah Parit Mahang, Kampung Bukit Hijau dan Simpang Tiga Jeram manakala pusat penempatan banjir Kampung Bukit Kerayong dan Seri Sentosa sudah ditutup.

“Parit Mahang mencatat

jumlah mangsa paling ramai apabila limpahan air Sungai Buloh memasuki kawasan rumah ditambah hujan lebat,” katanya semalam.

Sinar Harian turut difahamkan, Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kuala Selangor turut mengarahkan laluan keluar Parit Mahang-Ijok ditutup untuk kenderaan ringan berikutan air naik sehingga paras 0.3 meter.

Limpahan air Sungai Buloh turut menjejaskan laluan hampir 100 meter menyebabkan ia hanya boleh dilalui kenderaan berat bermula jam 8 malam kelmarin bagaimanapun, laluan itu dibuka semula untuk kenderaan ringan sejak jam 4 petang semalam.

Operasi pam air turut dijalankan di Parit Merbau, Parit Gajah, Compartment D Ijok, Kunci Air Puting Beliung Bukit Belimbing dan Kampung Asahan.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bestari Jaya, Sahidallah Osman turut menasihatkan orang kampung supaya mengikut arahan berpindah demi keselamatan mereka.

“Mangsa banjir diminta membawa barang berharga bersama kerana bimbang berlaku kecurian ketika rumah ditinggalkan kosong sepanjang tempoh berada di pusat penempatan banjir.

“Setakat ini tujuh pegawai dan anggota berkampung di Pusat Bencana Banjir Parit Mahang sejak 17 November lalu untuk bantuan dan langkah keselamatan bersama agensi lain,” katanya.

Operasi yang diketuai Komander Superintendan Muhd Taib Ahmad itu melibatkan 116 pegawai dan anggota polis, bomba, Klinik Kesihatan Jeram; Majlis Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor.

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Syabas Kawasan Kuala Selangor dan Ikatan Relawan Malaysia (Rela) turut berkampung di SK Parit Mahang sejak tiga hari lalu.

Terkejut tengok rumah tenggelam

W a r g a emas, Misnan Rakini, 76, ter-

Misnan menunjukkan kecederaan pada kakinya ketika ditempatkan di SK Parit Mahang.



Irmohizam (dua,kanan) turut membincangkan isu banjir bersama exco kerajaan negeri.

kejut apabila rumahnya dinaiki air sehingga paras pinggang selepas pulang menerima rawatan kakinya yang patah akibat kemalangan di Hospital Sungai Buloh.

“Masa banjir, pakcik ada dekat hospital keluaran besi kaki, mulanya kena tahan wad tapi bila penuh, pakcik terpaksa balik rumah tapi anak telefon bagi tahu rumah masuk air.

“Pakcik runsing bila fikir rumah macam mana dan bila balik memang terkejut tengok rumah dengan barang dah tenggelam...nasib baik ditempatkan di sekolah sebab luas sikit.

“Walaupun kurang selesa tapi terpaksa, lagipun ada doktor yang boleh cuci luka kaki dekat sekolah ni,” katanya yang tinggal di Jalan Kenangan 1, Parit Mahang.

Seorang lagi mangsa banjir, Sara Husin, 45, tak menyangka air naik dengan cepat meskipun sebelum ini hanya banjir di kawasan halaman rumah di Taman Desa Mahang.

“Memang sebelum ini ada jiran pindah sebab air naik tapi memikirkan tengah jaga emak yang uzur, akak cadang nak tunggu suami balik dulu

sebab tak larat nak angkat emak.

“Tapi bila tengok air dah masuk paras betis, akak pun pakat dengan anak simpan barang elektrik dulu sebelum bawa emak pergi ke sekolah... nasib baik sempat selamatkan buku sekolah anak.

“Apa yang penting emak dapat baring, itu sudah cukup bagi akak sepanjang ditempatkan di sekolah ni, memang ramai yang kena pindah sebab melibatkan rumah taman.

“Inilah pertama kali akak kena pindah bila banjir sebab sebelum ini walaupun banjir tapi tak sampai masuk rumah,” katanya bersama ibunya, Jamaah Baharom, 75.

Runtuhan tanah tak jejakkan struktur bangunan

Hujan lebat yang melanda Puncak Alam turut menyebabkan runtuhan tanah berlaku di Pusat Koreksional Puncak Alam sehingga wujud dakwaan yang mengatakan laluan terputus.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim turut membangkitkan kebimbangan penduduk mengenai tanah runtuh di

kawasan Pusat Koreksional Puncak Alam.

“Saya memandang serius perkara ini memandang penduduk di kampung berhampiran khuatir runtuhan itu akan menjejaskan kawasan sekitar berikutan berada di puncak bukit.

“Saya juga berharap kementerian berkaitan dapat meneliti isu ini bersama agensi di peringkat daerah Kuala Selangor supaya bangunan dan kawasan pusat itu benar-benar selamat.

“Kena pastikan keselamatan bangunan terbabit sebelum menempatkan penghuni yang juga banduan yang berpeluang melanjutkan pelajaran peringkat sijil, diploma dan ijazah di pusat itu,” katanya.

Amanah, PKM lawat mangsa banjir

Kebajikan mangsa banjir terus dibela apabila sumbangan demi sumbangan dihulurkan bagi meringankan beban termasuk Amanah Selangor dan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dun Jeram.

Pengarah Strategik Amanah, Dr Dzulkefly Ahmad turut berterima kasih kepada semua agensi kerajaan yang bertungkus lumus membantu memberi kemudahan dan keselamatan kepada mangsa banjir.

“Kami bersama sukarelawan Arif dan Skuad Peduli Amanah Selangor menyumbangkan dana kewangan bagi membantu meringankan beban mangsa banjir,” katanya.

Ketua Biro Amanah Negara (Amanah) Selangor, Mariam Abdul Rashid berkata, pihaknya akan membantu memberi kaunseling dan pemulihan emosi mangsa banjir sepanjang tempoh ditempatkan di pusat pemindahan.


“Amanah Selangor merangka program yang sesuai dan membantu kerja pembersihan Pusat Desa Parit Mahang yang sebelum ini dijadikan pusat penempatan banjir,” katanya.



Deretan rumah penduduk yang terjejas.



Jalan keluar Parit Mahang-Ijok ditutup untuk kenderaan ringan buat sementara waktu berikutan air naik sehingga paras 0.3 meter.



Laluan Parit Mahang-Ijok turut tenggelam.



Sebahagian kereta yang tak sempat dialihkan ketika musibah banjir melanda Parit Mahang.



Amanah Selangor yang diketuai Dr Dzulkefly (berdiri, kanan) turut melawat mangsa banjir.



Kemudahan kesihatan turut disediakan kepada mangsa banjir.



Sukarelawan JKM Daerah Kuala Selangor membantu mengisi nama mangsa banjir.



Kakitangan JKR Daerah Kuala Selangor memantau kenderaan yang keluar masuk di Parit Mahang.



Mangsa banjir mengisi borang ketika ditempatkan di SK Parit Mahang.